

# ATACAND<sup>®</sup> TABLET

Candesartan cilexetil (8 mg & 16 mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna  
(RiMUP)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Atacand
2. Bagaimana Atacand berfungsi
3. Sebelum menggunakan Atacand
4. Cara menggunakan Atacand
5. Semasa menggunakan Atacand
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Atacand
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP
12. Nombor Siri

## Apakah kegunaan Atacand

Atacand digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi (hipertensi) dalam orang dewasa. Ubat ini juga diambil untuk merawat masalah jantung yang dipanggil kegagalan jantung dalam orang dewasa, dimana jantung tidak mengepam darah ke seluruh tubuh dengan sebaik yang sepatutnya.

## Bagaimana Atacand berfungsi

Atacand ialah sejenis ubat yang digelar antagonis reseptor *angiotensin* II. Dengan menyekat kesan hormon *angiotensin* II, salur darah akan mengendur dan mengembang. Ini menurunkan tekanan darah dan memudahkan jantung mengepam darah ke seluruh badan.

## Sebelum menggunakan Atacand

Jangan makan Atacand jika anda hamil, anda rasa anda mungkin hamil atau anda berancang untuk menjadi hamil. Anda mesti beritahu doktor jika anda rasa anda hamil (atau mungkin akan menjadi hamil). Atacand boleh menyebabkan mudarat yang serius malah maut terhadap bayi dalam kandungan jika digunakan semasa hamil (lihat tajuk "Kehamilan").

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda sedang menyusukan anak dengan susu badan.
- Jika anda alah terhadap mana-mana bahan kandungan Atacand.
- Jika anda menghadapi penyakit kencing manis atau masalah fungsi buah pinggang dan sedang dirawat dengan ubat tekanan darah tinggi yang mengandungi *aliskiren*.

Penting: Anda tidak boleh mengambil Atacand jika anda pernah menghadapi masalah semasa mengambil ubat-ubatan yang mengandungi *candesartan cilexetil*.

*Penggunaan oleh kanak-kanak*  
Keselamatan dan keberkesanan Atacand belum ditentukan dalam kanak-kanak dan remaja (bawah 18 tahun).

- Sebelum mula menggunakan Atacand

Bincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini:

- Jika anda mengambil ubat lain untuk menurunkan tekanan darah, khususnya:
  - diuretik (penyurut cecair);
  - perencat ACE (contohnya *enalapril*, *lisinopril*, *ramipril*), khususnya jika anda menghadapi masalah ginggal yang disebabkan oleh penyakit kencing manis; atau
  - *aliskiren*.
- Jika anda mengambil perencat ACE bersama dengan ubatan yang tergolong dalam kelas ubat yang dikenali sebagai perencat reseptor *mineralocorticoid* (*mineralocorticoid receptor antagonists*, MRA). Ubatan ini diguna untuk rawatan kegagalan jantung (lihat "Jika mengambil ubat-ubat lain").
- Jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk yang anda beli tanpa preskripsi.
- Jika anda sedang mengambil litium.

- Jika anda sedang mengambil ubat antiradang bukan steroid (*non-steroidal anti-inflammatory drugs*, NSAID).
- Jika anda sedang mengambil makanan penambah kalium, pengganti garam yang mengandungi kalium, diuretik yang mengekalkan kalium atau ubatan lain yang boleh meningkatkan kalium dalam badan anda.
- Jika anda menghidap masalah jantung, hati atau buah pinggang.
- Jika anda tidak dapat menahan laktosa.
- Jika anda muntah-muntah atau cirit-birit.

Doktor anda mungkin akan menguji fungsi buah pinggang, tekanan darah dan kandungan elektrolit (contohnya kalium) dalam badan anda dalam selang sekata.

Sila rujuk maklumat dibawah tajuk "Bila tidak boleh mengambil".

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil ubatan lain, termasuklah ubat yang diperoleh tanpa dipreskripsi

Doktor anda mungkin perlu tukar dos anda dan/atau mengambil langkah berjaga-jaga yang lain:

- Jika anda mengambil perencat ACE atau *aliskiren* (sila rujuk maklumat dibawah tajuk "Bila tidak boleh mengambil" dan "Sebelum mula mengambil").
- Jika anda dirawat dengan perencat ACE bersama ubatan lain tertentu untuk merawat kegagalan jantung anda, yang dikenali sebagai perencat reseptor *mineralocorticoid* (MRA) (contohnya, *spironolactone*, *eplerenone*).

### Cara menggunakan Atacand

- Berapa banyak harus digunakan

*Untuk tekanan darah tinggi*

Dos yang lazimnya diberikan bagi orang dewasa ialah satu tablet 8 mg sehari. Doktor mungkin akan meninggikan dos kepada satu tablet 16 mg atau dua tablet 16 mg (jumlah dos 32 mg) sehari. Sebaik-baiknya, ambil tablet ini pada masa yang sama setiap hari, contohnya pada waktu pagi. Jika anda mengalami masalah buah pinggang yang teruk atau masalah hati yang teruk, doktor anda mungkin akan menetapkan dos yang lebih rendah.

*Untuk kegagalan jantung*

Dos permulaan yang lazim ialah 4 mg yang diambil setiap hari. Dos ini digandakan sekurang-kurangnya setiap dua minggu kepada dos sasaran 32 mg atau dos tertinggi yang dapat ditahan.

- Bila perlu digunakan

Adalah penting untuk mengambil Atacand setiap hari dan seperti diarahkan doktor anda. Arahan pada label boleh mengingatkan anda tentang apa yang dipesan oleh doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil Atacand seperti yang diarahkan oleh pakar kesihatan anda. Jangan berhenti mengambalnya tanpa berbincang dengan pakar kesihatan anda dahulu.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos yang seterusnya seperti biasa. Jangan ambil tablet tambahan untuk menggantikan dos yang tertinggal itu.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda terambil lebih daripada bilangan tablet yang diarahkan, hubungi doktor atau ahli farmasi dengan segera (terlebih dos).

### Semasa menggunakan Atacand

- Perkara yang perlu dilakukan

Cubalah makan tablet ini pada masa yang sama setiap hari. Tidak penting sama ada Atacand diambil sebelum ataupun selepas makan.

Jika anda rasa bahawa kesan Atacand terlalu kuat ataupun terlalu lemah, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil dos anda tanpa berbincang dengan pakar kesihatan anda dahulu.

#### *Kehamilan*

Anda tidak boleh mengambil Atacand jika anda hamil, anda rasa anda mungkin hamil atau anda merancang untuk menjadi hamil. Anda mesti beritahu doktor anda jika anda rasa anda hamil (atau mungkin akan menjadi hamil). Doktor anda akan menyuruh anda berhenti mengambil Atacand sebelum anda menjadi hamil atau sebaik sahaja anda tahu anda hamil dan mungkin akan menyarankan anda memakan ubat selain Atacand. Atacand boleh menyebabkan mudarat yang serius malah maut terhadap bayi dalam kandungan jika digunakan semasa hamil.

Doktor anda akan menyuruh anda berhenti mengambil Atacand sebelum anda menjadi hamil atau sebaik sahaja anda tahu anda hamil dan mungkin akan menyarankan anda memakan ubat selain Atacand. Atacand boleh menyebabkan mudarat yang serius malah maut terhadap bayi dalam kandungan jika digunakan semasa hamil.

#### *Menyusukan anak dengan susu badan*

Beritahu doktor jika anda sedang menyusukan anak dengan susu badan atau merancang untuk menyusukan anak dengan susu badan. Atacand tidak boleh digunakan oleh ibu yang sedang menyusukan anak dengan susu badan.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

#### *Mengambil Atacand berserta makanan dan minuman*

Tidak penting sama ada anda mengambil tablet ini berserta ataupun tanpa makanan.

#### *Anestesia dan pembedahan*

Jika anda akan menjalani pembedahan, beritahu doktor atau doktor gigi anda bahawa anda sedang mengambil Atacand. Apabila digabungkan dengan sesetengah jenis bahan anestetik, Atacand boleh menurunkan tekanan darah.

#### *Memandu dan mengendalikan jentera*

Rawatan tekanan darah tinggi atau kegagalan jantung boleh menyebabkan sesetengah pesakit berasa pening atau tidak bermaya. Pastikan anda tidak terjejas begini sebelum anda memandu atau mengendalikan jentera.

### Kesan-kesan sampingan

Sama seperti semua ubat lain, sesetengah orang yang mengambil Atacand mungkin mengalami kesan yang tidak diingini, yang biasanya sederhana dan akan hilang tidak lama kemudian. Jika anda mengalami mana-mana kesan ini ataupun simptom lain yang luar biasa atau yang tidak dijangka, bincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda.

#### **Kesan sampingan yang lazim berlaku** (1% pesakit atau lebih tetapi kurang daripada 10%)

- Pening (terutamanya dalam pesakit yang menghidap kegagalan jantung).
- Kemerosotan fungsi buah pinggang (terutamanya dalam pesakit yang sememangnya menghidap penyakit buah pinggang atau kegagalan jantung) yang dapat dikesan dengan ujian darah.

#### **Kesan sampingan yang sangat jarang berlaku** (kurang daripada 0.01% pesakit)

- Bengkak pada muka, bibir, lidah dan/atau tekak, ruam, gegata (*hives*), gatal-gatal, jaundis (kulit dan/atau mata menjadi kuning). Jika anda mengalami bengkak-bengkak pada muka, bibir, lidah dan/atau tekak, atau jika anda mengalami jaundis, hubungi doktor anda dengan segera.
- Sakit belakang.

- Batuk-batuk
- Perubahan pada fungsi hati, termasuklah radang hati.

Perubahan mungkin berlaku pada sel darah merah atau putih, ataupun pada bahagian-bahagian darah anda yang lain. Doktor anda mungkin akan mengambil sampel darah dari semasa ke semasa untuk menentukan sama ada Atacand membawa kesan terhadap darah anda. Kadangkala, perubahan ini mungkin dilihat sebagai gejala letih atau sakit tekak.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Atacand**

#### **Penyimpanan**

Jangan ambil tablet ini selepas tarikh luput yang tertera pada blister dan pada karton.

- Simpan ubat ini di tempat yang selamat, jauh daripada capaian kanak-kanak.
- Simpan ubat ini dibawah suhu 30°C.
- Ingatlah untuk memulangkan ubat yang tidak digunakan kepada ahli farmasi.

#### **Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### **Rupa dan warna produk**

Tablet Atacand disediakan dengan dua kekuatan, iaitu yang mengandungi sama ada 8 mg atau 16 mg *candesartan cilexetil*.

- Tablet 8 mg berwarna merah jambu muda, berbentuk bulat dwikonveks, bergaris dan ditandai A/CG pada sebelah permukaannya dan 008 pada sebelah lagi
- Tablet 16 mg berwarna merah jambu, berbentuk bulat dwikonveks, bergaris dan ditandai A/CH pada sebelah permukaannya dan 016 pada sebelah lagi

Tablet Atacand 8 mg dan 16 mg disediakan dalam pek blister 30 tablet yang mengandungi tiga blister berisi 10 tablet.

#### **Bahan-bahan kandungan**

##### **- Bahan aktif**

Bahan aktif ialah *candesartan cilexetil*.

##### **- Bahan tidak aktif**

Bahan-bahan yang lain ialah carmellose calcium, hydroxypropyl cellulose, iron oxide E172, lactose monohydrate, magnesium stearate, maize starch and macrogol.

#### **Nombor MAL:**

ATACAND TABLET 8MG  
MAL20001218ACRZ  
ATACAND TABLET 16MG  
MAL20001219ACRZ

### **Pengilang**

Klocke Pharma-Service GmbH  
77767 Appenweier, Germany

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Zuellig Pharma Sdn Bhd,  
No. 15 Persiaran Pasak Bumi,  
Seksyen U8, Perindustrian Bukit  
Jelutong, 40150 Shah Alam,  
Selangor, Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

05/2025

### **Nombor Siri**

NPRA (R1/5)13112024/205